

**PPU-UPM tawar program
PJ bagi yang berjaya**

PROGRAM Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan salah satu program bagi mencapai objektif Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk membuka peluang yang lebih banyak kepada masyarakat untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

Ia dikendalikan oleh Pusat Pendidikan Luar, Universiti Putra Malaysia (PPL-UPM) dalam usaha melahirkan masyarakat berilmu terutamanya kepada golongan pekerja yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

PPL-UPM kini menawarkan program-program pengajian secara jarak jauh peringkat Bachelor dan Master selaras dengan misi serta hala tuju UPM dan juga negara iaitu ke arah membangunkan pekerja yang berpengetahuan dan mampu belajar secara berterusan daripada kalangan penduduk yang sedang bekerja.

Pengarah PPL-UPM, **Profesor Dr. Abdul Aziz Saharee** berkata, pihaknya amat mementingkan konsep pendidikan sepanjang hayat dan menyifatkan ia tidak terhad kepada golongan pelajar sahaja.

Bagaimanapun katanya, pendidikan berkonsepkan 'pendidikan sepanjang hayat', dan terbuka kepada semua yang berkelayakan tanpa mengira usia terutama bagi mereka yang sedang bekerja.

Merangka

"Menyedari terdapat banyak permohonan di kalangan mereka yang bekerja, PPL-UPM telah merangka satu konsep pembelajaran melalui pusat-pusat pembelajaran yang terdapat di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

"Kami memahami kehendak semasa yang memerlukan ilmu pengetahuan sebagai pemangkin kepada pembangunan masyarakat dan negara.

"Atas dasar inilah, kami melaksanakannya dengan mewujudkan PJJ bagi menyediakan keperluan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan," ujarnya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Setakat ini, PPL telah berjaya melahirkan lebih daripada 8,000 graduan PJJ setahun dan sebanyak 14 buah pusat pembelajaran di seluruh negara telah diwujudkan.

PPL-UPM turut menawarkan tujuh program di peringkat Bacelor dalam bidang Bacelor Sains Pembangunan Sumber Manusia (BSHRD), Bacelor Sains Pembangunan Manusia (BSPM), Bacelor Pendidikan (BPTESL), Bacelor Komunikasi (BCOMM), Bacelor Pentadbiran Perniagaan (BBA), Bacelor Sastera (Bahasa dan Linguistik Melayu - BABM) dan Bacelor Sastera (Bahasa Inggeris - BABE).

Selain itu, PPL-UPM turut menawarkan lima program di peringkat Master meliputi bidang Pembangunan Sumber Manusia (MHRD), Master Bahasa Melayu (MBM), Master Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama - MPBPMP), Master Komunikasi Korporat (MCCCOMM) dan Master Pendidikan (Pentadbiran Pendidikan - MPPP).

Bimbingan

Memandangkan bidang teknologi maklumat (IT) kini berada pada rangking teratas, PPL-UPM turut menyediakan pelajar-pelajar seperti sistem pembelajaran mudah melalui sidang video, emel dan portal pendidikan.

Tidak ketinggalan kaedah pembelajaran berkomputer dan juga modul *self-instructed*.

Kemudahan-kemudahan tersebut membolehkan pembelajaran dapat diselaraskan di setiap pusat.

Selain itu, kemudahan-kemudahan tersebut turut disusuli dengan bimbingan tutor di setiap pusat pendidikan bagi membantu pembelajaran pelajar-pelajar.

Jelas Abdul Aziz, UPM turut memperkenalkan sistem pendaftaran sepanjang tahun bagi membolehkan orang ramai membuat permohonan mengikuti kursus yang ditawarkan di PPL-UPM.

Katanya, pendaftaran boleh dibuat secara talian melalui laman web www.ppl.upm.edu.my meliputi dua sesi pengambilan iaitu pada bulan Julai dan November/Disember setiap tahun.

Dalam perkembangan lain, Abdul Aziz memberitahu, pihaknya juga mengendalikan program kerjasama dengan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Sebanyak enam kolej yang terlibat seperti Kolej Shahputra, Pahang; Kolej Teknologi Timur, Selangor; Kolej Teknologi Bestari, Terengganu; Kolej Uniti, Negeri Sembilan; Kolej Risda, Melaka dan Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kuala Lumpur.

Program tersebut adalah untuk

menyokong kegiatan pengajaran dan pembelajaran UPM bagi menghasilkan graduan yang berkualiti serta setanding dengan graduan dari kampus induk Serdang.

Hala tuju program tersebut selaras dengan misi UPM untuk menjadikan UPM sebagai institusi terulung dalam kerjasama pendidikan awam-swasta dengan memperluaskan peluang pendidikan tinggi yang berkualiti.

 Kami memahami kehendak semasa yang memerlukan ilmu pengetahuan sebagai pemangkin kepada pembangunan masyarakat dan negara. Atas dasar inilah, kami melaksanakannya dengan mewujudkan PJJ bagi menyediakan keperluan tenaga kerja yang berilmu pengetahuan

- DR. ABDUL AZIZ SHAHREE



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
UCHIKUSSA UPM

FAKULTI BAHASA MODEN DAN KOMUNIKASI
FACULTY OF MODERN LANGUAGES AND COMMUNICATION

فَاكُولٰتَى بِهَاسْ مُودِنْ دَلْ كُرْمُونِيَّكَسْ

SARJANA BAHASA
DAN KOMUNIKASI

PROGRAM SARJANA
DAN KOMUNIKASI

*Selamat Datang
Pusat Pendidikan Luar, UPM*

